

**K**UALA LUMPUR, Isnin. — Kementerian Pelajaran ber-cadang mengenakan syarat baru menghendaki semua pelajar yang hendak melanjutkan pelajaran ke United Kingdom secara bersendirian membayar wang cagaran \$1,500.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, Dr. Mahathir Mohamad memberitahu Dewan Rakyat petang ini peraturan baru itu bagi mengelakkan kerajaan terpaksa membayar tambang pelajar itu balik bila pelajar itu diperintah pulang oleh Kerajaan British.

Menurutnya dalam tahun-tahun kebelakangan ini antara 10 hingga 15 pelajar diperintah oleh kerajaan British pulang ke Malaysia kerana buruk kelakuan atau gagal dalam pengajian.

Beliau menjawab soalan Encik Lim Kit Siang (BN-Kota Melaka) yang ingin tahu samada benar mulai tahun depan rakyat Malaysia yang hendak melanjutkan pelajaran ke seberang laut dikhendaki menyimpan wang \$10,000 dengan Kementerian Pelajaran sebagai jaminan berkelakuan baik.

Encik Lim berkata jika benar, langkah itu akan menyusahkan ibubapa yang tidak dapat mengumpulkan wang begitu banyak.

Dr. Mahathir berkata itu tidak benar.

Bagaimanapun Kementerian bercadang meminta ibubapa atau penjaga atau pelajar itu sendiri membayar wang cagaran sebanyak \$1,500 kepada Kementerian untuk tambang kapal terbang balik ke Malaysia di penghujung atau dalam tempoh pengajian mereka di seberang laut.

Beliau menjelaskan selama ini Kementerian Pelajaran memberi perkhidmatan tajaan atau 'sponsorship' percuma kepada warganegara Malaysia yang berhajat menuntut dengan perbelanjaan sendiri di United Kingdom.

Pelajar-pelajar persendirian ini dikhendaki mengisi borang permohonan tajaan dan borang jaminan kewangan atau 'financial guarantee' sebanyak \$10,000 untuk perbelanjaan pengajian dan sarahidup mereka di United Kingdom.

Dalam pada itupun katanya di tahun-tahun kebelakangan ini telah timbul beberapa kes di mana pelajar-pelajar didapati berkelakuan buruk seperti melakukan perbuatan jenayah atau gagal dalam pengajian mereka.

# CAGARAN \$1,500 PELAJAR2 PREVET BM - 3 KEUK

Mereka ini, kata beliau, telah diperintah pulang ke Malaysia oleh Kerajaan British (Home Office).

Katanya, "Dalam beberapa kes ini, ibubapa atau penjaga yang menandatangani jaminan kewangan itu telah dihubungi untuk membayar tambang kapal terbang pelajar itu pulang ke Malaysia.

"Tetapi mereka enggan ataupun tidak mengendahkan permintaan Kementerian dan Suruhanjaya Tinggi Malaysia di London untuk membayar tambang ini."

Menurutnya dengan demikian Suruhanjaya Tinggi Malaysia di London terpaksa menghantar pelajar ini pulang membayar tambangnya.

Untuk mengelakkan perakara ini berlaku, Kementerian Pelajaran sekarang bercadang meletakkan syarat supaya semua permohonan private untuk pengajian di United Kingdom hendaklah membayar wang cagaran atau deposit sebanyak \$1,500 kepada Kementerian Pelajaran sebelum permohonan tajaan mereka diluluskan.

"Wang ini akan dibayar balik dengan sepenuhnya kepada pembayarannya, apabila pelajar itu diperintah keluar dari United Kingdom ataupun selepas tamat kursusnya.

"Kerana apabila timbul kes seperti yang tersebut di atas tadi, mereka telahpun ada wang

tersimpan untuk membayar tambang pelajar itu pulang ke Malaysia."

Menurutnya Kementerian Pelajaran sedang merangka syarat baru ini dan akan mengumumkan tarikh kuatkuasanya.

Menjawab soalan tambahan Encik Lim Kit Siang, Dr. Mahathir berkata bilangan pelajar warganegara Malaysia yang diperintah pulang oleh Kerajaan British antara 10 hingga 15 orang tiap tahun.

Encik Lim bangun lagi bertanya samada Kerajaan sedar bahawa bilangan itu terlalu kecil dan tidak adil bagi berpuluh ribu pelajar lain yang ibubapa mereka terpaksa bersusah payah membayar wang cagaran itu dan samada Kerajaan dapat menimbangkan semula peraturan baru itu.

Kata Dr. Mahathir: "Kerajaan telah menimbangkan perakara itu dengan penuh simpati.

"Pembayaran penuntut-penuntut yang belajar di luar negeri tidak kurang dari \$4,000 hingga \$5,000 setahun.

"Wang yang dikhendaki oleh Kerajaan tidak sampaipun perbelanjaan bagi tiga bulan di London.

"Kalau mereka boleh membayar \$4,000 hingga \$5,000 setahun, adalah menasabah mereka boleh membayar \$1,500 sahaja kepada Kerajaan."